

Latihan 10.6 Isu Kesihatan Berkaitan Sistem Peredaran

1. Kepentingan sistem kardiovaskular yang sihat.
Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

respirasi sel	disingkirkan	pertumbuhan sel
---------------	--------------	-----------------

- (a) Menggalakkan _____ yang sihat.
- (b) Mengangkut bahan yang diperlukan sel-sel badan seperti nutrien, oksigen untuk membolehkan sel badan menggunakan oksigen dan glukosa untuk _____
- (c) Mengangkut bahan-bahan kumuh seperti karbon dioksida untuk _____

2. Penyakit Kardiovaskular.
Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

darah	keras	plak	trombus
serangan jantung	otak	sakit dada	beroksigen

Aterosklerosis	Penyempitan lumen arteri disebabkan pembentukan _____ pada dinding arteri. Ini menghalang pengaliran darah _____ ke tisu-situ badan.
Hipertensi	Disebabkan oleh pengaliran _____ yang sukar menyebabkan arteri halus pecah
Strok	Berlaku akibat arteri halus pecah di dalam _____, juga boleh disebabkan oleh darah beku (_____) yang menyekat aliran darah di otak
Arteriosklerosis	Penebalan dinding dalam arteri yang menyebabkannya menjadi _____. Arteri yang sihat bersifat kenyal dan

	elastik untuk memudahkan pengaliran darah beroksigen ke tisu-tisu badan.
Angina	_____ atau ketidakselesaian yang disebabkan tisu jantung tidak menerima darah beroksigen yang mencukupi.
Penginfakan Miokardium	Juga dikenali sebagai _____. Ianya berlaku apabila aliran darah ke jantung berkurangan atau berhenti dan menyebabkan kerosakan kepada otot jantung.